

IDEA TEMPATAN DALAM CATAN ABSTRAK

Suzlee Ibrahim ¹

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

¹ suzlee@aswara.edu.my

Mohd Ali Azraie Bebit ²

Universiti Teknologi MARA

² azraiebebit@yahoo.co.uk

ABSTRAK

Gua Kota Gelanggi yang mempunyai kesan tinggalan sejarah penempatan manusia 1500 tahun dahulu, terletak di daerah Jerantut, Pahang dikatakan sebuah kota lama yang gemilang pada zamannya. Dalam tulisan *Sejarah Melayu* ada menyebut Kota Gelanggi sebagai Kota Kelangkio atau Klang Kio. Ia merupakan sebuah tinggalan sejarah yang indah dengan flora dan fauna serta mempunyai banyak gua-gua kecil di kawasan tersebut. Permukaan dinding-dinding gua yang bergerutu memberi seribu inspirasi bagi Suzlee Ibrahim dalam adaptasi abstraknya; *Kingdom Series*. Pelukis telah mendapat ilham untuk menterjemah Gua Kota Gelanggi ke atas catan abstrak melalui pengalaman ekspedisi beliau ke lokasi tersebut. Catan abstrak Suzlee merupakan karya yang berbentuk ekspresionis, lahir dari luahan rasa peribadi sepertimana karya-karya abstrak yang sealiran dengannya. Pelukis-pelukis terdahulu seperti Pollock, de Kooning dan Kline merupakan di antara pelukis abstrak ekspresionis yang menjadi rujukan kepada Suzlee. Pengalaman mendaki dan menuruni cerun yang curam dalam kegelapan belantara merupakan satu pengalaman baru buatnya. Perasaan cemas dan tertekan bercampur aduk dengan rasa ingin tahu menerbitkan satu rasa kepuasan di akhir ekspedisi. Ekspresi pelukis ke atas kanvas mengajak khalayak supaya bersama-sama menghayati estetika hasil dari inspirasi ekspedisi Gua Kota Gelanggi. Catan daripada siri ini diolah melalui gabungan teknik-teknik penghasilan catan konvensional yang digabung dengan teknik kolaj untuk mewujudkan tekstura yang jelas di atas permukaan kanvas. Bahan lain yang digunakan ialah akrilik dan cat minyak.

Kata kunci: Kota Gelanggi, catan, abstrak, Suzlee

PENGENALAN

Catan abstrak merupakan sejenis catan yang tidak mementingkan persembahan imej asal dalam karya. Imej asal boleh diterjemahkan secara ringkas melalui *stylization* atau mujarad. Seni abstrak mengubah bentuk imej asal sehingga kadangkala imej asal itu tidak lagi dapat dikenali (Preble and Preble, 2004). Secara umumnya, catan abstrak menggunakan element seni tampak seperti rupa, bentuk, warna dan garisan untuk menjadi satu komposisi catan. Maksud ekspresionis dalam catan pula adalah luahan rasa yang digambarkan melalui kesan yang terhasil di atas sesuatu permukaan (kanvas) yang boleh menghasilkan emosi (*Kamus Dwibahasa*, 2002). Abstrak ekspresionis adalah satu aliran seni yang bermula di Amerika pada tahun 1940an oleh generasi pertama dari New York School (Hess, 2006). Pengaruh ini menjadi semakin kukuh di tahun 1950an dan terus hidup sehingga ke hari ini. Karya abstrak ekspresionis yang sebenar tidak mempamerkan mana-mana imej, ianya terbentuk hasil dari gerakan spontan dan gambaran perasaan atau emosi peribadi pelukis semata-mata (Preble and Preble, 2004). Di antara pelukis abstrak ekspresionis yang menjadi rujukan Suzlee ialah Willem de Kooning, Jackson Pollock dan Mark Rothko. Willem de Kooning menggambarkan seni abstrak ini sebagai satu gaya hidup (Zilczer, 2015). Beliau menolak idea Matisse berkenaan hal seni iaitu '*art might be for every mental worker...like an appeasing influence...like a good arm chair in which to rest from physical fatigue.*'¹ Bagi pandangan de Kooning seni bukan satu cara untuk mencapai ketenangan fikiran atau cara berehat setelah melalui hari-hari yang teruk. De Kooning menyatakan seni adalah cara hidup; seni dan kehidupan tidak boleh dipisahkan. Beliau melukis berdasarkan apa yang dilalui dalam kehidupan sehariannya.

Di antara karya awal de Kooning ialah potret isterinya *Portrait of Elaine* (1940-41). Bergerak dari catan yang berbentuk realist, de Kooning menghasilkan karya berbentuk separa abstrak *Woman* (1944). Kemudian, dalam karya *Woman 1* (1950-52, Imej 1) de Kooning telah memecah figura asal menjadi karya abstrak dengan figura yang hampir hilang bentuk asalnya (Zilczer, 2015). De Kooning mengambil masa yang panjang untuk menghasilkan *Woman 1*. Bagi menghasilkan karya tersebut, proses melukis, memadam dan melukis kembali berulang kali di atas kanvas yang sama. Wajah kaku dengan mata terbeliak dengan bentuk badan yang asing telah mendapat kritikan negatif daripada pengkritik seni. Namun de Kooning tidak menghiraukan kritikan tersebut kerana kritikan-kritikan itu bertentangan dengan prinsip pelukis aliran Abstrak Ekspresionisme. Semakin lama, gaya ekspresionis semakin terlihat dalam karya-karya de Kooning. Di antara karya-karya de Kooning yang tiada mempamerkan sebarang imej ialah *North Atlantic Light* (1977) dan *Pirate* (Untitled II, 1981).



Imej 1. Willem de Kooning, *Woman 1*(1950-52).
Sumber: Zilczer (2015).

Secara praktis, Suzlee juga mengikut laluan yang telah diatur oleh pelukis-pelukis abstrak ekspresionis terdahulu. Bermula dari pengalaman sebenar, Suzlee melakar imej-imej yang dilihat sebagai sumber inspirasi beliau untuk menghasilkan karya. Luahan perasaan dan pengalaman dalam kehidupan seharian ini menjadi pegangan kepada Suzlee Ibrahim untuk menghasilkan karya-karyanya seperti *Movement Series* (2005), *Ombak Series* (2007), *Sakura Series* (2008), *Wall Series* (2009), *Sahara Series* (2010) dan *The Kingdom* (2011). Berlainan pula dengan karya catan abstrak Syed Ahmad Jamal. Beliau mengambil inspirasi tulisan jawi yang menggambarkan awalan huruf pada namanya iaitu S-A-J yang digantikan huruf jawi shin = س , alif = ا dan jim = ج. Karya ini diberi tajuk 'Tulisan' (Imej 2). Huruf jawi yang ringkas ini diterjemahkan dengan sapuan berus ekspresif yang menjadi kekuatan pada catan ini. Beliau menghasilkan pergerakan ekspresif melalui kesan pergerakan berus yang besar, kasar dan bersahaja.



Imej 2. Syed Ahmad Jamal, Tulisan (1964).
Sumber: Mohamed Ali Abdul Rahman (2000)

Di tanah air, pada tahun 1950an keprihatinan Kementerian Pendidikan terhadap kepentingan mata pelajaran seni dalam kurikulum pendidikan di sekolah mula difikirkan. Dalam Penyata Razak (1956) mencadangkan pendidikan seni diajar sama ada diperingkat sekolah rendah mahupun menengah. Namun Malaya pada masa itu, tidak mempunyai guru-guru yang berkepakaran di dalam bidang tersebut. Bermula pada tahun 1950an, guru-guru pelatih mula dihantar ke luar negara terutamanya ke England, untuk mendalami bidang seni. Maka lahirlah guru dan juga pelukis seperti Tay Hooi Keat, Syed Ahmad Jamal, Lee Joo For dan Ismail Zain yang bukan sahaja membawa pulang pengetahuan tentang seni malah juga ciri-ciri *avant-garde* pada catan moden (Mohamed Ali Abdul Rahman, 2000).

SEJARAH RINGKAS GUA KOTA GELANGGI

Gua Kota Gelanggi yang mempunyai kesan tinggalan sejarah penempatan manusia 1500 tahun dahulu, terletak di daerah Jerantut, Pahang dikatakan adalah sebuah kota lama yang gemilang pada zamannya. Dalam *Sejarah Melayu* yang ditulis oleh Tun Sri Lanang ada menyebut Kota Gelanggi sebagai Kelangkui (Amad Bahri Mardi, *Berita Harian*, Sabtu 3 Januari 2009). Manakala dalam *Sejarah Melayu* edisi Shellabear ada menyebut nama Klang Kio atau Gangayu yang berkemungkinan merujuk kepada Kota Gelanggi. Walau apa pun sebutannya, Gua Kota Gelanggi merupakan sebuah tinggalan sejarah yang indah dengan flora dan fauna serta mempunyai banyak gua-gua kecil yang terdapat di kawasan tersebut. Gua lagenda ini mempunyai sejarah dan tarikannya yang tersendiri. Gua-gua di sini dikenali dengan nama kota iaitu Kota Tongkat, Kota Kepayang, Kota Rehut, Kota Gelap, Kota Angin, Kota Jin dan Kota Balai. Gua Kota Gelanggi sering dikaitkan dengan mitos orang bunian dan Sang Kelembai. Terdapat pelbagai bentuk batu yang menyerupai manusia bersanding, ular, singa dan sebagainya. Kejadian ini dikaitkan dengan sumpahan Sang Kelembai iaitu makhluk yang mempunyai kuasa sakti yang menyumpah sesuatu menjadi batu. Mengikut kajian Muzium Negara pada tahun 1981, terdapat bukti bahawa barang-barang yang dijumpai di dalamnya adalah tinggalan manusia zaman purba (<http://www.mdjerantut.gov.my/gua-kota-gelanggi>). Terdapat juga pengkaji sejarah mengatakan gua ini pada masa dahulu adalah sebuah negeri yang besar. Gua ini dipercayai tempat persembunyian Maharaja Dewa Suran ketika diburu oleh angkatan Melaka pada abad ke-15. Pahlawan Melayu Pahang, Mat Kilau dan Tok Gajah juga dikatakan berlindung dan bertapa di dalam gua ini. Asal usul nama Gelanggi ini berasal daripada perkataan Siam iaitu Klang Kio atau Gelong Gio. Pada masa itu, tempat ini dipercayai diminati oleh orang-orang Siam. Kisah Lagenda menceritakan kawasan ini telah diperintah oleh Raja Gelanggi yang mempunyai seorang puteri yang cantik. Anak Raja Mambang dari Lipis telah melamar puteri tersebut. Walau bagaimanapun, anak Raja Usul dari Bera telah bertemu dengan puteri tersebut semasa berburu, lalu jatuh cinta dan bersetuju untuk berkahwin. Perkara ini telah diketahui oleh anak Raja Mambang lalu menyerang anak Raja Usul. Anak Raja Mambang mati dibunuh oleh anak Raja Usul lalu anak Raja Usul berkahwin dengan Puteri Gelanggi (<http://akuanakpahang.blogspot.my/2012/09/misteri-gua-gelanggi-jerantut.html>). Misteri lagenda Kota Gelanggi ini telah menjadi satu tarikan utama bagi Suzlee untuk menjelajahi pengalaman sebenar (*real life experience*) dalam ekspedisi beliau ke Gua Kota Gelanggi (Imej 3).



Imej 3. Gua Kota Gelanggi. Pandangan dari luar gua.
Sumber: <http://akuanakpahang.blogspot.my/2012>

SIRI *THE KINGDOM* CATAN ABSTRAK EKSPRESIONIS²

Pengalaman pelukis menjelajahi Gua Kota Gelanggi telah melahirkan satu siri catan abstrak ekspresionis yang beliau namakan '*The Kingdom*'. Persekitaran Gua Kota Gelanggi kaya dengan flora dan fauna. Ini jelas dalam karya-karya Suzlee yang terdahulu seperti *Ombak Series (2007)*, *Sakura Series (2008)*, di mana alam sering menjadi inspirasi kepada karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Bagaimanapun, dalam siri ini Suzlee merasai lebih daripada keindahan flora dan fauna yang menghiasi persekitaran gua tersebut. Untuk kali pertama, Suzlee telah memasuki gua dan mengatasi cabaran, ketakutan serta keresahan ketika berada dalam situasi yang tidak stabil. Ini adalah kerana sifat gua yang gelap, lembap, berjalinan dan berlumut. Pada mulanya situasi ini 'melemaskan' dan menimbulkan kegelisahan dalam minda pelukis. Dalam perjalanan binaan batu-batu di sekitar gua mula menjadi tarikan utama kepada Suzlee (Imej 4). Tekstur batu dan dinding gua yang seakan menggelupas dan berlapis-lapis memberi inspirasi awal kepada Suzlee untuk menghasilkan karya siri '*The Kingdom*'. Walaupun sedar bahawa perjalanan di dalam gua akan menjadi sukar, Suzlee bertekad untuk meneruskan ekspedisi ini. Seperti sangkaannya, beliau terpaksa memanjat dan menuruni cerun-cerun yang curam dan sempit serta licin. Keadaan menjadi lebih sukar apabila perjalanan ini terpaksa diteruskan dalam keadaan gelap. Pengalaman ini memberi kesan emosi kepada pelukis (Imej 5). Walaupun dalam keadaan letih, pelukis teruja untuk menamatkan ekspedisi ini atas rasa ingin tahu yang semakin memuncak untuk melihat kemampuan daya tahan diri sendiri. Di penghujung ekspedisi, jelas terpancar kepuasan dalam diri pelukis kerana buat pertama kalinya beliau berjaya menempuh satu perjalanan yang memerlukan ketahanan fizikal dan mental. Ekspedisi ini sangat berkesan di hati pelukis sehingga menjadi inspirasi kepada beliau untuk meluahkan ekspresi emosinya ke atas kanvas sehingga terbit siri '*The Kingdom*'.



Imej 4. Pelukis bersama rakan-rakan dalam Ekspedisi Gua Kota Gelanggi.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

LAKARAN AWAL

Dalam penghasilan mana-mana karya atau rekaan, lakaran awal adalah merupakan satu proses untuk mengenal bahan kajian (*subject matter*) sebagai bahan rujukan atau inspirasi sebelum pelukis atau pereka bergerak ke proses seterusnya (Ocvirk, 2006). Begitu jugalah yang dilakukan oleh pelukis abstrak ini. Suzlee telah mendokumentasikan ekspedisi ini melalui lakaran-lakaran awal yang dilukis di atas kertas dengan pen (Lakaran 1 dan 2). Lakaran awal yang dibuat oleh pelukis biasanya adalah untuk merakam persekitaran tersebut dengan berdasarkan bahan kajian pada masa itu, seperti ruang dan jalinan. Suzlee tidak merakam dengan kamera atau alat rakaman kerana beliau ingin meletakkan dirinya dalam persekitaran atau situasi sebenar sewaktu lakaran tersebut dihasilkan. Melalui aktiviti melakar atau melukis, perjalanan yang sukar dan tekanan emosi akibat keletihan dapat dilupakan. Keadaan ini dianggap sebagai satu terapi sepertimana yang dikatakan oleh Matisse. Situasi ini merujuk kepada pelakuan manusia yang mendapat kepuasan peribadi bergantung kepada hubungan manusia dengan perlakuan di persekitaran yang ada (Wilson, 1984).



Lakaran 1. Persekitaran Gua Kota Gelanggi
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011)



Lakaran 2. Pintu masuk Gua Kota Gelanggi
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011)

Kebiasaannya, walaupun Suzlee menghasilkan karya berbentuk abstrak, lakaran-lakaran awal yang dilukis masih berdasarkan rujukan sebenar, namun ianya lebih ringkas dan menggunakan garisan sahaja. Ini adalah kerana faktor kekangan masa, tempat dan ruang yang terbatas. Namun demikian, lakaran awal masih menunjukkan gambaran yang dikenali seperti bentuk gua, jalinan pada dinding gua dan ruang gelap yang menunjukkan kedalaman sesebuah gua (Lakaran 3 dan 4). Lakaran awal ini dapat membantu pelukis ketika berkarya di dalam studio, mengingat kembali suasana dan mood persekitaran, juga pengalaman yang ditempuhi pada masa itu. Kebiasaannya, lakaran-lakaran ini akan di tampal memenuhi dinding-dinding studio supaya memudahkan pelukis untuk merasai semula emosi beliau ketika melukis lakaran yang lebih menjurus kepada penghasilan karya berbentuk abstrak.




Lakaran 3. Ruang dalam gua.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011)



Lakaran 4. Stalagtite dan stalagmite dalam gua.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011)

PROSES PENGHASILAN KARYA

Setelah lakaran komposisi dihasilkan, pelukis mengenalpasti medium dan teknik yang akan digunakan bagi menghasilkan sebuah karya yang berinspirasi dari pengalaman dan pengetahuan yang dikutip dari Kota Gua Gelanggi. Suzlee mendapati intipati yang paling kuat beliau rasai sewaktu ekspedisi tersebut ialah jalinan batu-batu dan lurah-lurah yang dalam dan gelap. Lakaran yang dihasilkan di dalam studio memberi penekanan yang lebih kepada jalinan dan ruang pada satu permukaan yang rata (Lakaran 5 dan 6).




Lakaran 5.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011)

Berdasarkan lakaran yang dihasilkan pelukis mula membentuk komposisi di atas kanvas dengan menggunakan potongan kanvas. Potongan-potongan kanvas dipotong berbagai rupa untuk menghasilkan rupa yang berlainan bentuk dan saiz di atas kanvas (Imej 6).



Imej 6.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

Gam digunakan bagi melekatkan kanvas yang dipotong kepada permukaan kanvas. Bagi membentuk jalinan yang cantik dan lebih menampakkan jalinannya, pelukis menggunakan beberapa jenis teknik lipatan bertujuan untuk menghasilkan tekstur. Teknik-teknik lipatan ini juga mempengaruhi bentuk dan saiz yang dihasilkan di atas kanvas (Imej 7).



Imej 7.

Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

Bagi menguatkan cantuman kanvas yang dipotong pada permukaan kanvas, gam dan dawai kokot digunakan. Setelah cantuman tersebut kering dan kuat, dawai kokot yang digunakan akan dicabut semula dengan menggunakan pengumpul (Imej 8 dan 9).



Imej 8.

Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).



Imej 9.

Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

Untuk memastikan kanvas benar-benar kering dan cantuman antara kanvas yang dipotong dan permukaan kanvas benar-benar kuat, kanvas tersebut dibiarkan berada dibawah sinaran matahari selama beberapa hari. Kemudian permukaan kanvas yang berjalina tersebut disapu dengan warna putih, bagi memudahkan untuk mengenalpasti jalinan dan ruang yang terhasil. Sapuan warna putih dengan menggunakan warna akrilik akan diletakkan beberapa lapisan untuk memastikan jalinan yang dihasilkan benar-benar kuat dan kukuh cantumannya. Permukaan yang putih juga lebih memudahkan pelukis menghasilkan lukisan abstrak di atasnya (Imej 10).



Imej 10.

Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

PERKEMBANGAN IDEA

Pada peringkat awal, Suzlee akan menyediakan warna latar pada kanvas kosong. Beliau mewarnakan keseluruhan permukaan kanvas tersebut dengan 'tanda-tanda' berdasarkan lakaran awal. 'Tanda-tanda' ini akan menggerakkan emosi pelukis dalam karya dan membantu membina komposisi karya. Semasa dalam proses perkembangan idea juga, pelukis akan memikirkan dan bereksperimentasi dengan permukaan kanvas untuk mencari jalinan dan komposisi yang difikirkannya terbaik. Dalam hal ini, Suzlee mahu menghasilkan tekstur yang boleh menggambarkan luahan ekspresi emosinya dan pada masa yang sama memperlihatkan keagungan dalam karya yang terhasil. Oleh itu pada

pandangan Suzlee kombinasi tekstur, warna dan ruang boleh menterjemah dan seterusnya menerbitkan perasaan tersebut pada karya yang hendak dihasilkan.

KOMPOSISI

Pada hari ini penggunaan teknologi boleh membantu para pelukis untuk mencari komposisi yang menarik dengan cara yang cepat. Bagaimana pun, Suzlee selesa dengan kaedah konvensional iaitu melihat melalui gerak rasa dan minda. Suzlee merancang dan menilai komposisi yang dihasilkan melalui perletakan warna pada kanvas. Warna-warna yang digunakan akan menghasilkan ruang dan seterusnya membawa audien 'masuk merasai pengalaman' yang dipaparkan berdasarkan komposisi, warna dan jalinan pada permukaan karya. Dalam hal menentukan 'pergerakan arah' dalam komposisi, Suzlee tidak menetapkan apa-apa panduan. Ini adalah kerana abstrak ekspresionis adalah catan yang bersifat spontan. Oleh itu 'pergerakan arah' samada dari teknik sapuan berus, perletakan warna mahupun jalinan semuanya berlaku mengikut 'gerak rasa' dan secara spontan dan yakin.



Imej 11. *Camouflage* (2011). Medium: akrilik, cat minyak dan kolaj atas kanvas.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

BAHAN, WARNA DAN TEKNIK

Pelukis sangat serasi dengan penggunaan warna akrilik dan cat minyak di atas kanvas. Medium ini telah sebatu dalam dirinya sejak tahun 1990an lagi. Dalam hampir kesemua karya-karya Suzlee sememangnya media inilah menjadi media utama yang digunakan. Menggunakan medium akrilik bagi membentuk warna, jalinan dan komposisi pada kanvas, setelah itu beliau menggunakan cat minyak sebagai *finishing* bagi menampakkan karya tersebut lebih menarik, bertenaga dan sentiasa baru. Warna yang digunakan untuk karya-karya siri '*The Kingdom*' adalah warna-warna asas yang dilihat sepanjang mengikuti ekspedisi tersebut. Warna-warna seperti, putih, hitam, coklat, kuning dan merah menjadi warna utama pada setiap karya yang beliau hasilkan untuk siri ini. Ada juga sedikit warna hijau dan biru digunakan bagi menambah nilai *artistic* pada karya. Teknik kolaj digunakan untuk menghasilkan jalinan pada permukaan kanvas. Suzlee menggunakan lapisan-lapisan kanvas yang ditampal di atas kanvas asal untuk mendapatkan kesan jalinan dan rekahan. Penggunaan potongan kanvas sebagai jalinan adalah bertepatan kerana penggunaan bahan yang sama dengan latar karya lebih mudah dilakukan dan lebih kuat cantumannya. Ini juga memberikan jaminan kekuatan karya dari segi jangka hayatnya.

KARYA AKHIR

Hasil dari ekspedisi ini Suzlee berjaya mengadakan Pameran Solo Siri *The Kingdom* pada 6-18 Januari 2012 di Pinkguy Gallery, Kuala Lumpur. Antara karya-karya yang dipamerkan ialah *Black Cave* (Imej 12), *Embers* (Imej 13), *Golden City* dan *Dreamlands*.



Imej 12. *Black Cave*, akrilik, cat minyak dan kolaj atas kanvas.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).



Imej 13. *Embers* (2011). akrilik, cat minyak dan kolaj atas kanvas.
Sumber: Suzlee Ibrahim (2011).

PENUTUP

Untuk menghasilkan karya-karya catan abstrak bukan semudah yang disangka. Ia memerlukan satu proses yang tersusun rapi dengan perancangan yang teratur dan kemas. Pelukis haruslah mengetahui dari mana, bagaimana dan kenapa sesebuah karya itu dihasilkan supaya ianya boleh dibincangkan secara formal. Faktor-faktor ini memudahkan audien untuk membincangkan tentang elemen dan prinsip-prinsip seni mahupun makna disebalik sesebuah karya seni abstrak ekspresionism. Dalam penghasilan karya abstrak ekspresionism, pelukis berpendapat bahan kajian merupakan sesuatu yang amat penting untuk menghasilkan sesebuah karya. Ini terbukti bagaimana seorang pelukis abstrak ekspresionism seperti Willem de Kooning memulakan proses dengan melukis secara realism (*Portrait of Elaine*, 1940-41) terlebih dahulu sebelum ianya bertukar kepada semi abstrak (*Woman 1*, 1950-52) dan seterusnya abstrak ekspresionism (*North Atlantic Light*, 1977) pada tahun 1970an. Begitu jugalah proses yang dilalui oleh pelukis abstrak ekspresionism seperti Suzlee Ibrahim. Setiap karya-karya beliau dimulai dengan kajian terhadap sesuatu tempat, objek atau situasi. Beliau mengenal bahan kajian secara dekat dengan mengkaji warna dan jalinan bahan kajian. Dari situ beliau mula menyusun komposisi dan warna pada kanvas berdasarkan lakaran-lakaran kecil yang terlebih dahulu dihasilkan. Karya-karya dari siri *The Kingdom* ini merupakan karya abstrak ekspresionism. Sama seperti karya-karya abstrak yang lain, ia wujud dari sifat mujarad atau bentuk-bentuk yang sukar difahami. Manakala ekspresionis dalam karya ini lahir dari kecenderungan 'penggambaran pengalaman kerohanian' atau perlambangan emosi secara subjektif dengan gaya ekspresif' (Nasir Baharuddin, 2015). Ekspresi pelukis ke atas kanvas jelas mengajak khalayak supaya bersama-sama menghayati nilai estetika hasil dari inspirasi ekspedisi pelukis ke Gua Kota Gelanggi. Catan daripada siri ini diolah melalui gabungan teknik-teknik penghasilan catan konvensional yang digabung dengan teknik kolaj untuk mewujudkan tekstura yang jelas di atas permukaan kanvas.

RUJUKAN

Amad Bahri Mardi, *Berita Harian*, Sabtu 3 Januari 2009

Hess B. (2006). *Abstract Expressionism*. Los Angeles: Taschen

<http://www.mdjerantut.gov.my/gua-kota-gelanggi>

Kamus Dwibahasa, 2002

Mohamed Ali Abdul Rahman (2000). *Modern Malaysian Art: Manifestation of Malay Form and Content*. Shah Alam: BIROTEKS UiTM.

Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton (2006). *Art Fundamentals Theory & Practice*. New York: Mc Graw Hill International.

Pinkguy Art Gallery (2012), *A Solo Art Exhibition by Suzlee Ibrahim*. Kuala Lumpur.

Preble and Preble (2004). *Artforms*. New Jersey: Pearson Education.

Redza Piyadasa (2002). *Masterpiece of the National Art Gallery of Malaysia*. Kuala Lumpur: National Art Gallery.

Shellabear, W.G editor (1984). *The Malay Annals*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Tun Sri Lanang (r.1997). *Sulalat-al-Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wilson, E.O.(1984). *Biophilia*.Cambridge: Harvard University Press.

¹ Henri Matisse, 'Notes of a Painter', in Alfred H. Barr, Jr., *Matisse: His Art and His Public* (New York: The Museum of Modern Art/Boston: New York Graphic Society, 1951).

² *Kingdom*, Pameran Solo Suzlee Ibrahim di Pinkguy Gallery (6-18 Januari 2012).